

TEKS UCAPAN

BRIG. JEN. DATO' PROF DR KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR UniMAP

SEMPENA

**PERTANDINGAN NYANYIAN ANTARA UNIVERSITI UTHAYAM
DAN MALAM KEBUDAYAAN YASHAS**

DI AUDITORIUM KEBUDAYAAN PERLIS

11 MEI 2013

Yang dihormati saudara/saudari pengurus majlis,

SALUTASI

Yang Berbahagia, Prof. Dr Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Yang Berbahagia, Profesor Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP,

Pegawai- Pegawai Utama Universiti,

Penolong-penolong Naib Canselor,

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan,

Yang dikasihi barisan Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP seterusnya anak-anak pelajar sekalian.

KATA-KATA ALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

1. Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan kasih sayang serta izin-Nya dapat kita bersama-sama pada malam ini bagi menghayati dan menyaksikan pelbagai persembahan serta keunikan budaya masyarakat India.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada anak-anak pelajar di atas usaha gigih penuh dedikasi, dalam mencanai idea, menzahir kerja seterusnya merealisasikan program pada malam ini iaitu **Malam Kebudayaan Yashas dan Pertandingan Menyanyi Antara Universiti Peringkat Akhir Uthayam**.
3. Saya difahamkan tema pada malam ini adalah “**Heritage of Cholas**” yang membawa maksud mengekalkan warisan dan adat yang telah wujud dalam kalangan masyarakat India. Sehubungan itu saya mengajak seluruh tetamu yang hadir pada malam ini untuk sama-sama kita menghayati keunikan budaya masyarakat India kerana saya percaya ada di antara yang hadir mungkin kali pertama menyaksikan persembahan kebudayaan kaum India ini.

KEUNIKAN BUDAYA MALAYSIA

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Bangsa yang merdeka, mempunyai jatidiri, wacana, wajah serta budaya tersendiri. Budaya kita di Malaysia cukup unik dan dinamik kerana tergabung serta terpadu daripada ras budaya pelbagai kaum yang ada.
5. Bertanyalah kepada pelancong luar apakah keistimewaan Malaysia? Pantas mereka akan menjawab, budaya di Malaysia sangat unik

kerana walaupun negara ini berbilang bangsa mahupun agama namun tidak ada mana-mana budaya kaum yang mendominasi akar umbi kehidupan rakyatnya secara totalisme.

6. Selain daripada masyarakatnya yang peramah, baik kaum Melayu, kaum Cina, kaum India atau kaum apa sekalipun, mereka hidup bebas dengan budaya, bahasa, agama dan identiti mereka sendiri tanpa bersikap prejedis dan 'ethnocentrisme' iaitu bersikap memperlekeh-lekehkan budaya kaum lain dan menganggap budaya sendiri lebih bagus atau lebih baik dari yang lain. Inilah kelebihan dan keunikan budaya masyarakat di negara kita sehingga Malaysia diangkat dan dimartabatkan sebagai 'Truly Asian' oleh barat.
7. Sebagai Naib Canselor saya ingin menyeru kepada anak-anak pelajar serta seluruh warga UniMAP agar menghargai keamanan yang kita miliki hari ini. Janganlah mudah terpengaruh dengan provokasi mana-mana pihak yang berniat mahu menggugat ketenteraman Negara kita.
8. Ingatlah sekali keamanan tergugat ia sudah pasti mengambil masa untuk dipulihkan. Apatah lagi di luar sana banyak pihak yang menanti masa untuk mengambil kesempatan. Oleh itu, janganlah mengikut perasaan dalam membuat tindakan, jangan musnahkan apa yang kita kecapi sekarang ini dalam sekilip mata. Biarpun apa juga dakyah dan tohmahan yang cuba dilakukan oleh pihak-pihak tertentu namun kita harus bersatu demi mengekalkan keamanan dan keharmonian yang sudah kita miliki 55 tahun ini.

HARGAILAH BUDAYA MALAYSIA

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Bakat adalah rencah kehidupan kita biarpun apa jua genre dan cabang kesenian yang kita sukai atau ceburi. Seni adalah budaya dan

wajah kita. Seorang pengkritik filem tersohor negara pernah berkata : "Walaupun filem dihasilkan sebagai wadah hiburan namun ada mesej yang cuba disampaikan oleh pengarahnya. Cerita dalam filem adalah sebagai perlambangan tentang budaya orang-orang yang tinggal di negara yang menghasilkan filem tersebut. Jadi filem adalah budaya".

10. Memetik kata-kata tersebut, suka saya ingatkan di sini, sebagai bangsa yang merdeka, kita sebagai rakyat Malaysia mempunyai budaya dan kesenian yang tersendiri.

Tidak diadaptasi atau dicedok dari mana-mana budaya lain. Kita mempunyai jatidiri dan akar umbi kehidupan sendiri yang halus serta penuh kesenian yang tinggi.

11. Ini adalah aset yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang kita sejak turun-temurun lamanya untuk kita terus mewarisinya. Arus globalisasi dengan kecanggihan sistem komputer maklumat dan komunikasi amat menakutkan dan mempunyai pengaruh yang cukup besar dalam menyebarkan apa jua bentuk ideologi terutamanya kepada pengaruh budaya dan kesenian. Impak yang ditinggalkan amat pantas kerana ia disogokkan dengan budaya komersialisme yang tersembunyi dan tanpa disedari ia sudah menjadi budaya baru.

12. Justeru itu saya amat khuatir dengan perkembangan terkini yang melanda negara ini. Terlalu ramai anak-anak muda yang seakan keliru dengan identiti dan budaya sendiri. Mereka terlalu megah dan hanyut dengan budaya barat yang umum mengetahui sudah terlalu parah dengan keruntuhan moral di kalangan remajanya.

13. Sebagai mahasiswa dan mahasiswi di pusat pengajian tinggi khususnya di UniMAP ini, anak-anak semua mempunyai pengaruh yang cukup besar, baik kepada masyarakat sekeliling maupun kepada keluarga sendiri.

Jika anak-anak pelajar tidak kenal kepada budaya dan jatidiri sendiri, sudah pasti budaya popular semasa yang tidak mengendahkan langsung sensitiviti agama dan budaya akan menjadi ikutan peribadi. Namun begitu, saya percaya setiap warga UniMAP mahupun anak-anak pelajar masih kuat pegangan agama dan kental jatidiri masing-masing.

PENUTUP

14. Saya percaya, melalui penganjuran program seperti malam ini mampu menyemai semangat nasionalisme dan patriotisme sesama kita kerana objektifnya cukup jelas. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya ingin berpesan kepada seluruh warga UniMAP, hayatilah maksud kemerdekaan itu dalam ertikata yang sebenarnya.
15. Merdeka bukan hanya sekadar dalam bentuk fizikal semata-mata tetapi mempunyai pengertian yang meluas termasuklah dalam budaya dan kesenian kita sendiri. Untuk itu, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada **ahli jawatankuasa Malam Kebudayaan Yashas dan Sekretariat Ponggal Gala Night** kerana telah berjaya menganjurkan dan memastikan kelancaran majlis pada malam ini.

**Pelbagai Bangsa Dalam Negara,
Hidup Aman Saling Percaya,
Malaysia Harmoni Lagi Sejahtera,
Diserikan Dengan Pelbagai Budaya,**

Sekian Terima Kasih

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.